



JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH
MARINE DEPARTMENT CENTRAL REGION
(SELANGOR, NEGERI SEMBILAN & MELAKA)
PETI SURAT 268, JALAN FORESHORE
42000 PELABUHAN KLANG
SELANGOR, MALAYSIA

Telefon: 03-3169 5100 Emel : pjlwt@marine.gov.my
Faks: 03-3165 3540 Laman Web : <http://www.marine.gov.my>
03-3169 5100 Kawat : MARINE PELABUHAN KLANG



MS ISO 9001
Cert. No : KLR 0403591 B
Cert. No : KLR 0403591 N
Cert. No : KLR 0403591 M

PEKELILING PELABUHAN (PORT CIRCULAR)
NO: 07/2008

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 14 Mei 2008.

KERJA-KERJA PENGOREKAN DI SEKITAR JETI OILFAB FABRICATION CENTRE,
DI PULAU INDAH, PELABUHAN KLANG

Adalah dimaklumkan bahawa suatu kerja-kerja pengorekan dan mendalamkan permukaan dasar sungai akan dijalankan di perairan Jeti Oilfab Fabrication Centre di Pulau Indah, Pelabuhan Klang selama tempoh kira-kira satu bulan mulai dari **17 Mei 2008**. Kerja-kerja berkaitan akan dijalankan oleh sebuah syarikat tempatan, See Song & Sons Sdn Bhd. Vesel-vesel yang akan digunakan adalah "Grab Dredger" (Meisun G6), "Hopper Barges" (Meisun H11, Meisun H12, Meisun H13 & Meisun H15) dan "Tug Boats" (Meisun T30, Meisun T31, Meisun T35 & Kresna Raya 1),

2. Perlu dimaklumkan juga bahawa bahan-bahan sisa korekan bagi projek tersebut akan dilupuskan di tapak Kawasan Pembuangan Am (Spoil Ground) sebelah Selatan, pada kedudukan Lat. 02° 53.52' Utara dan Long. 101° 08.50' Timur.

3. Selaras dengan itu juga, semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot-bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan kerja dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vessel-vesel terlibat.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)
b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah.

- s.k: (i) Pengarah Laut,
Jabatan Laut Wilayah Tengah.
- (ii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.